

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.4()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 7 TAHUN 2023**

Tarikh : 27 Julai 2023 (Khamis)

Masa : 9.00 pagi – 10.30 pagi

Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2
Bangunan MBSJ

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh YM Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik, Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Subang Jaya.

2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN JULAI 2023

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Julai 2023 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

pelancaran buku, modul dan Forum The GREAT Civil Service pada 20 Jun 2023 di Auditorium Intan Bukit Kiara.

Ketua Setiausaha Negara menekankan bahawa perkhidmatan awam yang dibentengi oleh kekukuhan nilai peribadi dan kemampuan organisasi akan menggalakkan ketelusan, kecekapan dan akauntabiliti dalam kerajaan serta membantu mencegah rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

The G.R.E.A.T Civil Service merupakan akronim kepada 'Good Governance' (Tadbir Urus Terbaik), 'Responsible' (Bertanggungjawab), 'Empathy' (Ihsan), 'Accountable' (Kebertanggungjawaban) dan 'Tenacity of Purpose' (Fokus Pada Matlamat).

Nilai-nilai ini ditekankan dalam mendepani era yang penuh kompleks dengan cabaran maka, pengukuhan nilai peribadi dan organisasi menjadi satu kemestian demi menjayakan aspirasi dan mencapai agenda Malaysia MADANI.

- iii) Timbalan Datuk Bandar juga turut memaklumkan bahawa MBSJ dengan kerjasama International Green Trends Cockpit Sdn. Bhd. (IGTC) telah menganjurkan sesi *Townhall* bagi Kajian Inventori Greenhouse Gas (GHG) untuk penyediaan Pelan Tindakan Perubahan Iklim MBSJ yang telah berlangsung selama tiga hari di

29 Julai 2023 sebagai hari penamaan calon manakala 12 Ogos 2023 sebagai hari pengundian. Sementara itu, hari pengundian awal telah ditetapkan pada 8 Ogos 2023.

MBSJ turut terlibat dengan Pilihan Raya Negeri Selangor dengan menguruskan 4 DUN yang terlibat seperti berikut :

DUN	N 28 (Seri Kembangan)	N 29 (Seri Serdang)	N 30 (Kinrara)	N31 (Subang Jaya)	JUMLAH KESELURUHAN
RO	Puan Hajah Sharifah Rohaida binti Abd Rahman	Tuan Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali	Ir. Dr. Hj. Mohd Ariffuddin Bin Hj. Kamari	Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim	4 orang
BIL PUSAT MENGUNDI	15	17	23	26	81 pusat
BIL SALURAN MENGUNDI	113	147	203	189	652 saluran
JUMLAH PEMILIH	62,822 pemilih	93,235 pemilih	123,782 pemilih	111,970 pemilih	391,809 pemilih
BIL PETUGAS	1,012 petugas	1,285 petugas	1,454 petugas	1,421 petugas	5,172 petugas

Semoga semua petugas dapat melaksanakan amanah yang diberikan dengan penuh berintegriti dan bertanggungjawab bagi melancarkan urusan Pilihanraya Negeri.

- v) Timbalan Datuk Bandar turut memaklumkan berkenaan isu berkaitan sekolah agama dan institusi tahfiz yang beroperasi di dalam kawasan pentadbiran MBSJ. Bagi menangani isu tersebut, pihak Majlis telah membuat keputusan seperti berikut :

Pihak Majlis bersetuju untuk melanjutkan tempoh sehingga 31 Disember 2023 bagi notis Borang D yang telah diserahkan.

- vi) Seterusnya pemakluman berkenaan kes pendakwaan ke atas pemilik tanah yang menjadikan rumah banglo sebagai sebuah 'Airbnb' atau rumah inap tanpa kebenaran daripada Majlis. Lanjutan daripada aduan yang diterima daripada penduduk setempat, MBSJ telah memfailkan kes pendakwaan ke atas pemilik tanah tersebut.

Pemilik tanah yang juga merangkap pengusaha 'Airbnb' tersebut dijangka akan dituduh di hadapan Majistret Mahkamah Majistret (Munisipal) Subang Jaya pada 22 Ogos 2023. Pertuduhan dijalankan di bawah Seksyen 27(2)(a) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) setelah pemilik tanah tersebut gagal mematuhi mana-mana kehendak Notis daripada Majlis untuk menghentikan aktiviti dan memulihkan semula keadaan premis tersebut seperti keadaan asal. Bagi kesalahan tersebut, pemilik tanah boleh dihukum mengikut Seksyen 27(2)(9) Akta yang sama yang membawa hukuman penjara maksimum enam bulan dan denda sehingga RM 100,000.00, jika sabit kesalahan. Denda harian juga boleh dikenakan sekiranya pemilik tanah terus-menerus melakukan kesalahan tersebut selepas dihukum.

Majlis juga sedang menyediakan kertas siasatan bagi tujuan untuk mendakwa penyewa-penyewa yang menyewa rumah tersebut.

automatik mengikut kadar harian. Walau bagaimanapun, MBSJ telah mengkaji semula beberapa kesalahan yang dikategorikan sebagai kesalahan berat dan pihak Majlis telah bersetuju untuk menetapkan kadar kompaun sebanyak RM 80.00 tanpa pengurangan. Kadar yang terlibat adalah bagi kesalahan-kesalahan seperti berikut :

- a) Premis yang menghalang mana-mana petak letak kereta dengan apa-apa kenderaan atau apa-apa benda;
- b) Meletakkan kenderaan di mana-mana tempat selain petak letak kereta yang disediakan oleh Majlis;
- c) Penjaja atau pengusaha 'Food Truck' yang menjalankan perniagaan di atas petak letak kereta;
- d) Mana-mana pihak yang membaiki kenderaan di tempat letak kereta;
- e) Mana-mana pihak yang mencuci kenderaan di tempat letak kereta; dan
- f) Menggunakan tempat letak kereta selain daripada untuk meletak kenderaan motor.

Seterusnya, Majlis juga telah meneliti semula kadar kompaun yang dikenakan ke atas pesalahlaku yang menghalang tempat letak kereta dengan meletakkan kenderaan berat di tempat letak kereta yang menjadi halangan kepada pengguna tempat letak kereta yang lain. Pihak Majlis bersetuju untuk menaikkan kadar kompaun bagi pesalahlaku ini kepada kadar maksimum RM 300.00 tanpa pengurangan.

- viii) Seterusnya Timbalan Datuk Bandar memaklumkan bahawa pada 5 Julai 2023, Unit Waran Tangkap MBSJ telah melaksanakan tangkapan ke atas Orang Kena Saman (OKS) di atas kegagalan menghadiri sebutan kes pendakwaan di Mahkamah Majistret (Munisipal) Subang Jaya.

OKS yang merupakan pemilik restoran berhadapan dua pertuduhan di bawah Undang-Undang Kecil 3 Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (MBSJ) 2007 iaitu mengendalikan restoran tanpa lesen dari Majlis. OKS telah dihadapkan di Mahkamah pada 11 Julai 2023 dan selepas mengaku bersalah, Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2,400.00 bagi kedua-dua pertuduhan tersebut.

Pihak Majlis menggesa agar semua operator establisymen makanan menjalankan perniagaan berlandaskan peruntukan undang-undang bagi memelihara keselamatan dan kesihatan masyarakat serta penduduk setempat.

- ix) Bagi program Majlis sepanjang bulan Ogos 2023, Timbalan Datuk Bandar memaklumkan bahawa MBSJ akan melaksanakan Program Hari Tanpa Kenderaan MBSJ 2023 bagi edisi ke 11 pada 6 Ogos 2023 (Ahad) bertempat di Jalan SS 16/1 berhadapan dengan Aeon Big Subang Jaya dan Subang Parade.

peringkat umur komuniti yang akan dilaksanakan sepanjang bulan kemerdekaan ini iaitu :

a) **Pertandingan Lagu Patriotik Generasi Bestari MBSJ 2023**

Penyertaan bagi Pertandingan Lagu Patriotik Bestari MBSJ 2023 terbuka kepada semua pelajar sekolah di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Subang Jaya bermula daripada 1 Ogos 2023 sehingga 31 Ogos 2023.

Pertandingan ini merupakan program di bawah Program Generasi Bestari (Smart Gen) melalui modul Cintai Bandaraya. Penyertaan nyanyian secara individu dan terbahagi kepada dua kategori iaitu Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah.

Hadiah bagi kedua-dua kategori ialah tempat pertama akan menerima wang tunai sebanyak RM 500.00, tempat kedua RM 400.00, tempat ketiga RM 300.00 dan tiga hadiah saguhati sebanyak RM 150.00. Di samping itu juga terdapat Anugerah Khas Video Popular yang akan membawa pulang hadiah wang tunai sejumlah RM 200.00.

b) **Kuiz Komuniti Merdeka**

Penyertaan Kuiz Komuniti Merdeka MBSJ terbuka secara individu kepada seluruh komuniti di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Subang Jaya dan akan dilaksanakan sebanyak 4

Hadiah penyertaan, Johan akan menerima wang tunai sebanyak RM 1,000.00 beserta piala dan medal, Naib Johan RM 750.00 beserta medal dan tempat Ketiga RM 500.00 beserta medal.

- xii) Timbalan Datuk Bandar juga memaklumkan mengenai situasi semasa demam denggi di MBSJ. Kes demam denggi yang dicatatkan di kawasan pentadbiran MBSJ adalah sebanyak 150 kes pada minggu epid ke 29 menjadikan kumulatif kes demam denggi 2023 adalah sebanyak 4,605 kes. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 41% berbanding dengan kumulatif kes pada tahun 2022 di minggu epid yang sama. Sebanyak 19 lokaliti *hotspot* dicatatkan pada minggu epid ke 29.

Dengan peningkatan kes demam denggi dilaporkan bukan hanya di kawasan pentadbiran MBSJ tetapi di seluruh Malaysia pada ketika ini, masyarakat di kawasan pentadbiran MBSJ diminta untuk terus bekerjasama dalam memastikan kawasan dan persekitaran masing-masing bebas dari tempat pembiakan nyamuk aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu sekali mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan.

Masyarakat juga dinasihatkan untuk membuat semburan aerosol di dalam premis dan menggunakan repellan apabila keluar terutama mereka yang tinggal di kawasan wabak denggi.

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 6/2023 bertarikh 6 Julai 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 11/2023 bertarikh 13 Jun 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 12/2023 bertarikh 27 Jun 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
		a/ Embamurthi	Enggang BK 6	<p>peniaga yang masih belum dibersihkan di kawasan yang dirobohkan dan dikhuatiri menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes.</p> <p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat memaklumkan tindakan pembersihan menyeluruh akan dilaksanakan selepas pilihanraya Negeri. Majlis akan mengambil tindakan yang sesuai untuk mengelakkan lokasi tersebut menjadi tempat pembiakan nyamuk.</p> <p>Tindakan : Jabatan Kesihatan</p>
2.	Para 11.5(b) & m/s 25	Encik Yap Kok Weng	Kertas Cadangan Permit Untuk Menjalankan Majlis Perayaan	Beliau memaklumkan bahawa terdapat pindaan lokasi di beberapa kawasan Majlis Perayaan Musim Tengkujuh dan memohon mesyuarat

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.4 & m/s 7	Encik Muhammad Fauzan bin Rosli	Kertas Makluman Pelaksanaan Program Geran Komuniti (Subang Jaya Smart Vibrant Community Grants) MBSJ tahun 2023	Beliau memohon supaya pelaporan dibuat mengikut zon MPP bagi projek yang diterima, ditolak, ditangguh serta projek yang telah diluluskan. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat bersetuju dengan cadangan tersebut dan pelaporan akan diperincikan mengikut zon MPP. Tindakan : Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 7/2023 Bertarikh 20 Julai 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

8.0 PENUTUP

Timbalan Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.30 pagi.


Tarikh Disediakan : 31 Julai 2023

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MALAYSIA MADANI "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;



(IR. ROSLI BIN MOHAMMAD YUNUS), K.M.N, P.J.K

Timbalan Setiausaha

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;



(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

11.	Encik Thong Kim Fatt	-	"
12.	Encik Mohd Tarmizi bin Lazim	-	"
13.	Encik Wong Yii Seang	-	"
14.	Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin	-	"
15.	Puan Sarawati binti Mukhtar	-	"
16.	Encik Pravin a/l Murali	-	"
17.	Encik Tah Yap Keong	-	"
18.	Encik Ahmad Danish bin Hairudin	-	"
19.	Puan Tanujah a/p Debul Singh	-	"
20.	Encik Muhammad Fauzan bin Rosli	-	"
21.	Encik Wan Shukri bin Wan Mustapha	-	"
22.	Encik Khairol Basri bin M.Arif	-	"
23.	Encik Parithi Vaanan a/l Ramasamy	-	"

TURUT HADIR (PEGAWAI MBSJ)

1. Tuan Haji Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
2. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

16. Encik Shahrul Fadli bin Abdu Rashid
Pengarah, Unit Audit Dalam
17. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
18. Encik Mohd Farkhi bin Mohd Noor
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
19. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. YBrs. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, s.m.s
Datuk Bandar
2. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu - Ahli Majlis
3. Tuan TPr Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
4. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan

URUSETIA

1. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan